

Kepercayaan Isi Kandungan Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam

Excellent Islamic Education Teachers' Belief on Content of Teaching Worship

Nur Hanani Hussin¹, Ab. Halim Tamuri²

ABSTRAK

Tujuan artikel ini ialah membincangkan dapatan kajian kepercayaan guru cemerlang Pendidikan Islam terhadap isi kandungan pengajaran ibadat dalam pendidikan Islam pada tahap sekolah menengah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pemilihan peserta kajian dilakukan secara bertujuan yang melibatkan tujuh guru cemerlang Pendidikan Islam dari beberapa negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati, kepercayaan guru terhadap isi kandungan pengajaran ibadat meliputi tiga elemen iaitu perkara baik adalah ibadat jika diniatkan kepada Allah swt; isi kandungan pengajaran ibadat memberi kesan kepada akhlak dan akademik murid; keperluan kepada pendekatan gabungan jalin digunakan ketika guru menyampaikan isi kandungan. Dengan demikian, elemen ini menjelaskan bahawa kepercayaan guru terhadap isi kandungan pengajaran ibadat adalah holistik dan menunjukkan mereka memahami konsep Islam sebagai cara hidup, tiada dikotomi atau dualisme ilmu. Kajian ini diharap dapat membantu pihak-pihak terlibat merangka tindakan memperkasakan pengajaran ibadat dan kualiti guru Pendidikan Islam.

Kata Kunci: *Isi Kandungan Pengajaran, Ibadat, Guru Cemerlang Pendidikan Islam.*

ABSTRACT

The aim of this article is to discuss the findings concerning the excellent Islamic Education teachers' belief on content of teaching worship in Islamic education at secondary school level. This was a qualitative study which employed the study case method. The respondents were purposively selected and it involved seven excellent Islamic Education teachers from several states in Malaysia. This study found the excellent Islamic Education teachers' belief on teaching of content worship has three main elements i.e. the good deeds are considered as worship if intentionally carried out for the sake of Allah swt; the contents of the teaching of worship have positive impact on students' behavior and academic achievement; and the requirement to use integrated approach by teacher during in delivering the contents. Thus, teachers' belief on content of teaching worship is holistic and it also showed that they understood the Islamic concept of life and there is also no dichotomy and dualism in knowledge. It is hoped that this study will assist those who are involved to improve the teaching of Islamic worship as well as the quality of Islamic education teachers in general.

Keywords: *content of teaching worship, worship, excellent Islamic Education teachers.*

¹ Nur Hanani Hussin, PhD, Islamic Education Department, Ministry of Education, nurhanani.hussin@gmail.com

² Prof. Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri, PhD, UKM, tamuri67@gmail.com

Pendahuluan

Penyelidikan dalam pengajaran ibadat sebelum ini menunjukkan pemahaman guru Pendidikan Islam hanya merangkumi sukatan pelajaran dan tajuk-tajuk yang perlu diajar malah amalan dan ibadah lain yang tidak begitu berkaitan dengan kehidupan murid tidak diberi penekanan seperti ibadah zakat, sedekah dan solat ketika musafir (Fathiyah et al. 2013). Malahan, guru didapati lebih cenderung kepada aktiviti yang tertumpu kepada peningkatan pencapaian akademik murid menghabiskan sukatan pelajaran untuk peperiksaan semata-mata (Fathiyah et al. 2013; Ahmad Munawar 2009; Fathiyah et al. 2012, Fathiyah 2012). Apa yang jelas, pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan tidak menjamin kecemerlangan dalam aspek penguasaan ilmu yang sebenar dan juga dalam aspek pengamalan dan penghayatan ilmu yang mereka dipelajari. Di zaman masyarakat tradisional, tugas mendidik anak-anak khususnya berkaitan dengan pendidikan al-Quran dan fardu `ain dilaksanakan oleh ibu bapa dan dibantu oleh masyarakat sekitarnya. Peranan masjid dan surau serta madrasah pada masa tersebut sangat signifikan di samping guru-guru al-Quran yang secara suka rela mendidik masyarakat. Maka tugas guru kini semakin penting kerana proses pengajaran di sekolah menjadi semakin signifikan. Maka, guru perlu memberikan tumpuan bagaimana melaksanakan pengajaran yang berkesan. Umumnya pengajaran berkesan adalah satu proses yang menggabungkan aspek kepercayaan dan pemikiran, pengetahuan dan amalan guru di bilik darjah. Bagi memahami bagaimana seseorang guru itu mengendalikan pengajarannya, maka penelitian kepada proses pemikiran guru adalah perlu kerana kebiasaannya hal tersebut memberi kesan terhadap tindakan guru dalam bilik darjah. Salah satu komponen pengetahuan asas guru yang dinyatakan Turner-Bisset (2009) ialah kepercayaan guru terhadap mata pelajaran. Kajian ini akan memfokuskan terhadap perincian elemen kepercayaan guru terhadap isi kandungan pengajaran ibadat Pendidikan Islam.

Kepercayaan Guru Dalam Pengajaran

Kepercayaan bermaksud nilai, sikap, sistem konsep, teori peribadi dan juga perspektif tentang sesuatu yang membentuk tindakan dan amalannya (Ernest, 1989; Gardner, 2006). Kepercayaan dikatakan mempengaruhi dan memberi panduan kepada guru dalam membuat keputusan dan melaksanakan strategi pengajaran (Fang, 1996). Kepercayaan dikatakan terkandung dalam komponen kognitif dan turut dipengaruhi oleh sikap seseorang yang turut membentuk pengalaman. Manakala dalam aspek psikologi, sistem kepercayaan membolehkan seseorang guru memahami profesion keguruan dan berpegang kepada falsafah yang dipegangnya (Habsah et al., 2006). Secara umumnya, perbincangan tentang kepercayaan merangkumi kepercayaan terhadap pengajaran sesuatu subjek dengan isu ia sebagai suatu subjek, pembelajaran dan penyelesaian masalah, pengajaran subjek secara umum, kepercayaan kepada diri sendiri, dan kepercayaan dalam konteks sosial (Op't Eynde et al., 2002).

Menurut Fang (1996), kepercayaan ini bukan hanya mempengaruhi cara dan tindakan guru semasa mengajar tetapi juga bagaimana mereka mentafsirkan pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran yang berkesan boleh diterokai daripada kepercayaan guru tentang pengajaran yang baik serta pengetahuan kraf pengajaran mereka (Gardner, 2006; Habsah et al., 2006; Turner-Bisset, 2009). Meskipun kepercayaan tidak semestinya diterjemahkan kepada amalan, namun kepercayaan guru tentang pengajarannya memberi persepsi tentang *world view* dan pegangan guru tentang bagaimana pendidikan perlu dilaksanakan (Gardner, 2006; Tengku Zawawi, 2009). Sistem kepercayaan adalah dinamik dan terdiri daripada

struktur mental yang sensitif kepada perubahan pengalaman. Perubahan tersebut termasuklah perubahan amalan pengajaran yang seharusnya diikuti oleh perubahan kepercayaan dan pengetahuan guru khususnya dalam tiga aspek berikut iaitu pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap murid, P&P, dan pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap mata pelajaran. Van der Sandt (2007) membahagikan sistem kepercayaan guru kepada empat bahagian iaitu kepercayaan terhadap pengajaran, pembelajaran, sifat subjek, dan murid.

Gabungan teori dan pengalaman menghasilkan amalan pengajaran guru yang bersesuaian dengan kepercayaan mereka (Nooraida, 2008). Von Glasersfeld (1994) menyatakan tanpa pengetahuan terhadap murid, guru menjadi tidak prihatin kepada bentuk pengajaran yang hendak disampaikan, pengajaran yang berlangsung menjadi tidak lancar disebabkan kepercayaan guru proses pemindahan pengetahuan boleh berlaku dengan sempurna daripada guru kepada murid. Pengajaran yang berkesan adalah satu proses yang menggabungkan aspek kepercayaan dan pemikiran, pengetahuan dan pengamalan guru di bilik darjah. Bagi memahami bagaimana seseorang guru itu mengendalikan pengajarannya, maka penelitian kepada kepercayaan isi kandungan sesuatu mata pelajaran perlu dilakukan (Ernest, 1989; Fang, 1996; Habsah et al., 2006; Handal, 2004; Thompson, 1984; Vacc & Bright, 1999; Liljedahl, 2008; Turner-Bisset, 1999; 2009; Siti Mistima, 2011; Nabiroh et al., 2014).

Ernest (1989) menyatakan kepercayaan guru mengandungi konsepsi, nilai, dan ideologi dalam tahap yang pelbagai. Konsepsi tersebut merupakan pandangan guru terhadap sifat subjek. Komponen kepercayaan guru yang lain ialah model atau pandangan terhadap sifat pengajaran dan model atau pandangan terhadap proses pembelajaran. Seterusnya, Ernest (1994) menyenaraikan elemen utama yang mempengaruhi pengajaran guru iaitu a) sistem kepercayaan guru kepada subjek dan pengajarannya, b) peluang dan kekangan yang didapati dalam pengajaran, dan c) tahap proses pemikiran dan refleksi guru. Elemen-elemen tersebut menjadi penentu kejayaan dalam pelaksanaan pengajaran berdasarkan kepada autonomi guru.

Justeru, Ernest (1994) menyatakan dua sebab utama hubungan kepercayaan yang tidak selaras dengan amalan guru. Pertama, faktor konteks sosial seperti murid, ibu bapa, rakan sebaya atau ketua, kurikulum sedia ada, teks yang diadaptasi, sistem penilaian dan sistem keseluruhan sekolah menjadi kekangan yang kuat dalam pelaksanaan model P&P yang dikehendaki. Pengaruh yang kuat daripada faktor-faktor tersebut menjadikan guru-guru dalam sekolah yang sama mempunyai amalan yang sama walaupun kepercayaan subjek mereka berbeza. Faktor kedua adalah tahap kepercayaan dan refleksi guru terhadap amalan pengajarannya. Guru perlu membuat refleksi terhadap murid, mengenal pasti kesesuaian penyampaian dan menyesuaikan kepercayaan dan amalan pengajaran. Dalam hal ini, Stipek et al. (2001) mengkategorikan amalan guru kepada bentuk tradisional yang hanya menumpukan kepada prestasi murid dan bukan pembelajaran dan kefahaman murid. Kaitan kepercayaan yang bersifat tradisional adalah selari dengan amalan pengajaran mereka yang turut bersifat tradisional seperti pengajaran berorientasikan peperiksaan.

Dalam konteks Pendidikan Islam, aspek keimanan diibaratkan kepercayaan guru akan membentuk sikapnya terhadap murid dan proses pengajaran. Keimanan yang teguh kepada Allah akan membentuk suatu sudut pandangan semesta (*worldview*) yang menyeluruh dan bersepadu di mana seluruh aktiviti kehidupan akan diarahkan bagi melaksanakan tugas sebagai Khalifah Allah dan mencari keredaan Allah (Nabiroh et al., 2014). Selain itu, keimanan yang teguh juga akan membantu dan mendorong pengajar al-Quran untuk

menghayati lima peranan pendidik Muslim iaitu *muallim*, *mudarris*, *murshid*, *muaddib*, dan *murabbi* (Mohd Aderi dan Ab.Halim 2009).

Berhubung hal ini juga, al-Quran sering menggandingkan aspek iman dan amal salih bagi menggambarkan kepentingan keduanya dalam kehidupan Muslim (al-Baqarah 2:25; 62; 82; 277; Ali Imran 3: 57; an-Nisa' 4 57; 122; 173; al-Maidah 9;69;93; al-'Araf 7:42). Iman yang berkisar sekitar kepercayaan tetapi tidak disertakan dengan amal tidak diiktiraf oleh Islam. Ringkasnya, untuk membentuk pengajaran berkesan ia bermula daripada apa yang dipercayai oleh guru terhadap sesuatu subjek pengajaran. Daripada kepercayaan ini amalan pengajaran mula terbentuk. Apabila sentiasa diamalkan dan telah mantap pada diri individu ia menjadi pegangan asas kepada pengetahuan kandungan pedagogi guru.

Guru Cemerlang Pendidikan Islam

Pencapaian cemerlang dan berkualiti dalam kerjaya sebagai seorang guru adalah selaras dengan tuntutan Islam. Menurut Ab. Halim (2006) konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang berkesan ialah *mudarris*. Umumnya, *mudarris* dinilai daripada lima aspek utama, iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan profesional. Secara dasarnya, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang dimiliki oleh guru adalah berkembang sejajar dengan pengalaman guru (Berliner 1986). Beliau mencadangkan lima peringkat teori perkembangan profesional seorang guru iaitu i) novis, ii) maju, iii) cekap, iv) mahir dan v) pakar. Menurut Berliner (1986) terdapat perbezaan yang ketara antara tahap profesional guru, guru pakar dimaksudkan sebagai '*they sometimes provide exemplary performances from which we can learn*'. Shulman (1987) menegaskan guru pakar biasanya mampu menyesuaikan cara menyampaikan pengajaran mengikut kemampuan murid.

Definisi guru cemerlang Pendidikan Islam dalam kajian ini meneliti kualiti dalam ciri-ciri berikut; (i) peribadi, sahsiah terpuji, berketerampilan dan berpegang teguh kepada etika perguruan dan etika perkhidmatan awam serta peka dan prihatin terhadap keperluan murid yang dapat menjadi *role model* kepada warga pendidik (ii) pengetahuan dan kemahiran, menguasai dan menghayati kandungan mata pelajaran atau bidang pengkhususan dan kepakaran, menjadi pakar rujuk pengajaran dan pembelajaran, bijak mengurus masa, sumber, peralatan, mengenal pasti keperluan dan masalah pembelajaran murid serta menyediakan program tindakan susulan, berpengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi, (iii) hasil kerja, berupaya meningkatkan hasil pembelajaran ke arah membangunkan potensi murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, (iv) komunikasi; memiliki kemahiran berkomunikasi yang tinggi serta berkemampuan menyampaikan idea dan mesej dengan berkesan dalam pelbagai situasi, (v) potensi, berwawasan, proaktif, mempunyai inisiatif, bersifat responsif dan inovatif dalam rangka menjalankan tugas sebagai pendidik dan (vi) sumbangan kepada kemajuan pendidikan negara, berupaya menjana idea baru dalam mata pelajaran atau bidang pengkhususan masing-masing dan berkongsi idea tersebut bagi meningkatkan mutu pendidikan negara (KPM 2006).

Dalam aspek kerja, guru cemerlang berupaya meningkatkan hasil pembelajaran murid menerusi peningkatan minat dan penglibatan murid, membimbing murid di dalam dan di luar bilik darjah, penguasaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran. Dari segi komunikasi pula guru cemerlang berjaya berinteraksi dengan berkesan dalam menyampaikan mesej sama ada

secara lisan atau bertulis. Akhir sekali dari aspek potensi, guru cemerlang sentiasa belajar untuk peningkatan kerjaya, terlibat dalam kursus, seminar dan bengkel dan sentiasa menyumbangkan tenaga dan kepakaran untuk kejayaan sekolah (JNJK 2012). Justeru, sepatutnya ilmu tidak nyata ini terutamanya berkaitan pemikiran GCPI terhadap pengajaran ibadat sepatutnya dikongsi bersama agar ia boleh dimanfaatkan untuk perkembangan GPI untuk mencapai tahap kepakaran dan kecemerlangan.

Metodologi Kajian

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif iaitu untuk mengenalpasti elemen kepercayaan guru terhadap isi kandungan pengajaran ibadat Pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian langsung pengajaran. Kaedah temu bual 'semi-structured world-life interview' merujuk kepada (Kvale 2007), digunakan untuk mengenal pasti kepercayaan guru terhadap isi kandungan pengajaran ibadat. Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah '*purposive sampling*' atau persampelan bertujuan (Miles & Huberman 1994). Ini bererti responden tersebut perlu dipilih dan dikenal pasti terlebih dahulu supaya dia dapat memberi maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Tujuh Guru Cemerlang Pendidikan Islam telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan cadangan yang diterima daripada Jabatan Pelajaran seluruh Malaysia. Peserta kajian dinamakan menggunakan nama samaran (pseudonym) (Bloomberg & Volpe 2008). Data yang diperolehi secara lisan melalui temubual ditukar dalam bentuk tulisan dan dianalisa menggunakan perisian Atlas.ti 7.1.7.

Dapatan Kajian

Bagi memahami bagaimana seseorang guru itu mengendalikan pengajarannya, maka penelitian kepada proses pemikiran guru adalah perlu kerana kebiasaannya hal tersebut memberi kesan terhadap tindakan guru dalam bilik darjah. Salah satu kategori yang dikenal pasti daripada temu bual ialah kepercayaan guru. Hasil daripada dapatan, tema untuk kategori kepercayaan guru terhadap pengajaran ibadat dirumuskan sebagaimana jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Penetapan Tema Kepercayaan Guru Terhadap Isi Kandungan Pengajaran Ibadat

Kod	Kategori	Tema
Kepercayaan-PK	Kepercayaan	Isi Kandungan

Pada keseluruhannya, semua peserta yang terlibat dalam kajian ini mempunyai kepercayaan terhadap isi kandungan pengajaran ibadat berkaitan konsep (i) setiap perkara baik adalah ibadat jika bersandarkan niat baik kerana Allah, (ii) isi kandungan pengajaran ibadat memberikan kesan kepada akademik dan sahsiah murid dan (iii) isi kandungan pengajaran ibadat mestilah digabung jalinkan dengan ilmu lain. Tema-tema tersebut dikodkan dan ditunjukkan dalam jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2: Penetapan Sub Tema Kepercayaan-Pengetahuan Isi Kandungan

Kod	Kategori	Tema	Sub Tema
	Kepercayaan	Isi Kandungan	
Kepercayaan-Inti pati-PBAI			Perkara Baik Adalah Ibadat
Kepercayaan-Inti pati-K			Kesan
Kepercayaan-Inti pati-GJ			Gabung jalin

Ternyata kepercayaan ini jika dilihat pada sisi kehidupan peserta kajian mereka sendiri mengamalkan apa telah mereka nyatakan semasa temu bual, misalnya Ustazah Raihan berpegang dengan prinsip kerja yang dilakukan sebagai satu ibadat dan mesti dilaksanakan dengan sebaiknya (Raihan TB3/59:59). Dalam pada itu, Ustaz Halim juga berpegang dengan prinsip yang sama. Ini terbukti pada satu dokumen rasmi permohonan jawatan GCPI DG 48 beliau menukikan, *'kerja adalah satu ibadat, dan ibadat perlu dilaksanakan dengan sesempurnanya'* (Halim AD1). Dalam konteks yang lain, SKAI ini diselitkan dalam pengajaran ibadat dalam bab muamalat apabila Ustazah Raihan mengaitkan kehidupan manusia tidak boleh lari daripada jual beli, gadaian, insurans, saham dan sebagainya. Oleh itu, beliau menasihatkan agar murid-murid mengambil kira halal dan haram sesuatu urusan berdasarkan apa yang telah mereka pelajari di dalam kelas, bahkan tidak hanya mementingkan keuntungan dan kekayaan kerana destinasi kehidupan selepas kematian adalah akhirat yang kekal (U Raihan TB2/191:191).


Selanjutnya, Ustazah Qaseh dan Ustazah Ramlah menjelaskan ibadat adalah perkara yang dilakukan secara berterusan dalam kehidupan (U Raihan TB3/65:65; U Qaseh TB1/113:113). Malah Ustazah Qaseh berpendapat, masih ada murid yang tidak menganggap melakukan perkara-perkara baik sebagai ibadat, bahkan mereka memahami ibadat hanyalah amalan yang terhenti pada solat sahaja, beliau berusaha memberi kefahaman seluruh kehidupan adalah ibadat kepada murid, mereka akan mendapat pahala jika berniat melakukan kebaikan (U Qaseh TB 1/194:194). Kepercayaan berkaitan inti pati ini turut diungkapkan Ustaz Alif dengan menyatakan; *"sukan pun kalau niat dengan betul, pakai pakaian yang menutup aurat dikira ibadat.."*(U Alif TB3/123:123)

Memandangkan Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang berkait rapat dengan kehidupan seharian, khususnya pengajaran ibadat, kepercayaan peserta kajian ini mendorong mereka sentiasa memberi penekanan berkaitan *'setiap perkara baik adalah ibadat jika diniatkan kepada Allah'*, contohnya niat datang ke sekolah untuk belajar dikira ibadat (U Murni TB2/164:164) dan murid hendaklah sentiasa meneruskan amalan baik (U Qaseh TB1/113:113), malahan proses sebelum melakukan ibadat khusus contohnya solat dengan isu menjaga kebersihan diri dan pakaian, membezakan perkara kotor dengan najis, boleh menjana kekhusyukan solat tersebut (U Raihan TB3/71:71; U Alif TB4/138:138).

Namun dapatan ini tidak selari dengan kajian lain yang menyatakan pemahaman guru memperlihatkan bahawa amalan dan ibadah lain yang tidak begitu berkaitan dengan kehidupan murid tidak diberi penekanan iaitu seperti ibadah zakat, sedekah dan solat dalam musafir (Fathiyah et al. 2013). Malahan, guru didapati lebih cenderung kepada aktiviti yang tertumpu kepada peningkatan pencapaian akademik. Pada pandangan pengkaji, kepercayaan guru terhadap konsep seluruh perkara baik diniatkan kepada Allah adalah ibadat berkait rapat dengan pandangan guru terhadap Pendidikan Islam sebagai satu sistem untuk mencorakkan murid ke arah insan kamil dan dimensi ibadat boleh menghubungkan ke arah

mentauhidkan Allah. Kepercayaan ini juga mendorong pengajaran guru tidak hanya terbatas kepada perkara yang berkaitan dengan rukun Islam sahaja iaitu solat, zakat, puasa serta haji bahkan membina ruang fikir murid secara lebih luas terhadap kehidupan seharian yang mereka jalani untuk dihubungkan dengan konsep ibadat. Kepercayaan guru sebegini terhasil daripada budaya ilmu guru yang melibatkan proses membaca, fikir dan zikir yang sentiasa berlangsung. Rangkuman data berkaitan berhubung kepercayaan guru ‘seluruh kehidupan adalah ibadat (SKAI)’ digambarkan sebagaimana rajah 4.1 berikut:

Rajah 4.1: Kepercayaan-Isi Kandungan-PBAI



Selain itu, Ustaz Hilmi turut mengaitkan pelaksanaan ibadat dengan sempurna memberi kesan akhlak murid, begitu juga sebaliknya sekiranya tidak dilaksanakan dengan sempurna menjadikan mereka sukar menerima teguran (U Hilmi TB 3/32:32). Ustaz Hilmi juga menyatakan; “...*kita tengok bacaan ibadat dia tidak sempurna, cara dia melakukan ibadat tidak sempurna, perangai dia kita tengok wujud lah masalah disiplin, bergaduh dalam kelas. Kita semak rupanya sembahyang pun tak betul, ada satu kes mandi wajib pun tak tahu, sudah sampai tingkatan 5 dah. Bagaimana pula sikap murid itu? Memang muka dia keruh, perwatakan dia kasar, ponteng kelas. Semuanya ada kaitan*” (U Hilmi TB 3/37:37).


Selanjutnya, Ustazah Raihan juga mempunyai pandangan sama berkaitan ibadat mempunyai perkaitan utuh dengan akhlak, beliau sentiasa berusaha mengembangkan akhlak yang baik dalam diri murid sama ada melalui pengajaran mahupun penghayatan (U Raihan TB3/58:58). Malah Ustazah Qaseh menegaskan, apabila guru memberi tumpuan kepada ibadat-ibadat wajib dan sunat murid, secara tidak langsung pembentukan sahsiah berlaku serentak (U Qaseh TB3/18:18). Dalam usaha mengintegrasikan ibadat dengan akhlak yang baik, Ustazah Raihan sentiasa menganggap muridnya seperti anak sendiri, beliau terlebih dahulu meminta maaf sebelum sesuatu teguran dilontarkan supaya muridnya tidak berkecil hati (U Raihan TB3/63:63). Beliau menjelaskan kepercayaan terhadap integrasi ilmu ini bermula apabila guru memahami tugas sebagai pendidik melalui ungkapan beliau; “... *kita pendidik, guru Pendidikan Islam ni bukan sahaja mudarris yang menyampaikan, bukan muallim sekadar mengalirkan ilmu tapi kita adalah mua'ddib, mendidik, kita kata akhlaknya, tarbiah diri murid...*”(U Raihan TB3/60:60)

Ternyata peserta kajian lain juga berpandangan sama dengan Ustazah Raihan, Ustaz Alif turut mengakui pengajaran ibadat mempunyai hubungan dengan akhlak (U Alif

TB3/95:95), beliau memberikan contoh ibadat akikah dilaksanakan secara beramai-ramai akan membentuk kerjasama, kerjasama merupakan akhlak dalam kehidupan bermasyarakat (U Alif TB4/23:23). Ustaz Hilmi pula mengaitkan ibadat dengan akhlak, akhlak lahir daripada ibadat sekiranya ibadat itu dijaga dengan sempurna, secara tidak langsung jiwa akan terdidik, jiwa murid yang mempunyai ibadat yang sempurna adalah lebih baik daripada murid yang tidak melakukan ibadat yang sempurna (U Hilmi TB3/30:30). Namun, sekiranya inti pati pengajaran ibadat tidak dihayati oleh seseorang murid, akhlak yang tergambar pada mereka adalah akhlak yang tidak baik seperti ponteng kelas kerana mereka sudah biasa ponteng solat (U Zaid TB4/142:142). Selain itu, terdapat juga murid berpura-pura melakukan kebaikan (*al-takhalluq*), Ustaz Hilmi menjelaskan; “...*al-takhalluq ni buat-buat. Kalau buat-buat itu mungkin hari ni dia boleh lakonkan dia punya perangai, dia punya sikap dan sebagainya tapi lama-kelamaan benda tu akan timbul balik, rupa-rupanya orang ini, begini. Kita tidak mahu begitu...*” (U Hilmi TB3/33:33).

Selain itu, Ustaz Alif menyatakan pandangan yang pernah diberikan kepada pengetuanya ketika pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam PMR dan SPM tidak mencapai 100%. Beliau telah berusaha sehabis daya untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah, namun Ustaz Alif menyatakan kekesalan, puncanya kerana terdapat murid yang tidak solat, sekiranya murid melakukan solat dengan konsisten, mereka boleh menguasai semua mata pelajaran yang dipelajari, kecemerlangan akademik mempunyai perkaitan dengan urusan ibadat (U Alif TB3/83:83). Dalam usaha menyemai akhlak yang baik bertitik tolak daripada kepercayaan guru, guru meyakini apabila tumpuan diberikan kepada ibadat-ibadat wajib dan sunat murid secara tidak langsung pembentukan sahsiah murid berlaku serentak. Dapatan ini sejajar dengan pandangan Adnan (2002) bahawa penghayatan ibadat membangunkan spiritual seseorang insan. Dapatan ini juga menyokong kenyataan Hassan (2003) bahawa pembentukan insan kamil perlu mengambil kira dimensi spiritual lebih utama daripada intelek dan perkembangan fizikal. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Imam al-Ghazali, jika terdapat murid yang mempunyai masalah sahsiah adalah lambang daripada kurangnya penghayatan ilmu dan berpunca daripada maksiat (al-Ghazali 2007).

Rajah 4.2: Kepercayaan-Isi Kandungan-Kesan



Pada masa yang sama peserta kajian turut mengakui isi kandungan pengajaran ibadat boleh digabung jalinkan dengan ilmu lain, “... *mana sahaja yang berkaitan tidak sains sahaja, semua lah. Semua elemen, termasuk keusahawanan, kita masuk juga ke dalam tu apabila ada kaitan, kita kena masukkan keusahawanan. Kita masukkan sains tadi, kita masukkan geografi ke ataupun sivik ke, kemasyarakatan ke apa sahaja la yang ada kaitan sebab dia baru la ada gabung jalin... kita nak penghayatan murid tu lebih*”(U Hilmi TB4/136:136). Kepercayaan guru mengenai gabung jalin ibadat dengan ilmu lain juga diakui peserta kajian lain dalam usaha mengembangkan pengetahuan murid (U Alif TB3/14:14; U

Murni TB1/121:121; U Murni TB2/140:140). Kepercayaan ini nyata diaplikasikan dalam pengajaran pengurusan jenazah oleh Ustazah Murni apabila beliau mengaitkan kematian dengan sains iaitu ketiadaan aliran darah menjadikan tubuh jenazah sejuk, “*beliau mengulangi sekali lagi perkataan sejuk dan menyatakan sebab tiada aliran darah dalam badan jenazah*” (U Murni OB1/42:42).

Isi kandungan pengajaran ibadat adalah sangat mencabar untuk disampaikan terutamanya bab perkahwinan tidak hanya terhenti pada akad nikah dan tanggungjawab suami isteri sahaja. Bahkan, guru seharusnya menerapkan akhlak sebagai Muslim yang baik kepada murid contohnya bercinta hanya selepas perkahwinan, menjaga maruah dan kehormatan diri. Misalnya, Ustazah Qaseh menjelaskan; “*Adakah kita nak beritahu tentang perkahwinan sahaja? Tanpa kita beritahu tentang roh perkahwinan itu sehingga dia jangan bercinta, sehingga dia jangan berpasangan. Boleh kah sampai dia cakap, ‘ok lah kalau macam tu saya tak nak lah bercinta.’*” (U Qaseh TB1/194:194).

Semua taburan tema-tema yang telah dibincangkan di atas digambarkan melalui jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3: Taburan Kepercayaan GCPI Terhadap Isi Kandungan Pengajaran Ibadat

Bil	Kepercayaan Isi Kandungan	Ustaz Zaid	Ustaz Alif	Ustaz Hilmi	Ustazah Sara	Ustazah Raihan	Ustazah Murni	Ustazah Qaseh
1	PBAI	x	x	x	x	x	x	x
2	Kesan	x	x	x	x	x	x	x
3	Gabung jalin		x	x			x	x

Realitinya berdasarkan dapatan kajian, semua peserta dapat menjawab semua persoalan yang diajukan murid bahkan dapat mengabung jalinkan pengajaran ibadat dengan sub bidang lain Pendidikan Islam dan mata pelajaran lain semasa pengajaran berlangsung. Pengetahuan kandungan guru juga berkadar langsung pembudayaan ilmu. Terdapat guru yang rajin dan bersemangat tinggi untuk menjayakan karier mereka dengan sentiasa mengemaskinikan ilmu pengetahuan mereka dalam mata pelajaran yang diajar. Pengetahuan isi kandungan yang dimiliki guru biasanya mempengaruhi corak pengajaran dalam bilik darjah.

Perbincangan dan Rumusan

Kepercayaan terhadap sesuatu pengajaran menjadi pegangan guru untuk membuat keputusan berhubung pengajaran bahkan didapati membentuk tingkah laku dan amalan guru di dalam bilik darjah telah dibincangkan oleh penyelidik (Ernest 1989; Fang 1996; Habsah et al. 2006; Handal 2004; Thompson 1984; Vacc & Bright 1999; Liljedahl 2008; Siti Mistima 2011; Nabiroh et al. 2014). Manakala Von Glasersfeld (1994) menyatakan kelemahan dan kepincangan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran antaranya berpunca daripada kepercayaan guru terhadap pengajaran tersebut.

Dalam kajian ini, terdapat tiga kategori kepercayaan peserta kajian terhadap pengajaran ibadat iaitu kepercayaan terhadap (i) inti pati pengajaran ibadat, (ii) bagaimana pengajaran ibadat sepatutnya disampaikan dan (iii) prinsip pengajaran ibadat Pendidikan Islam. Ketiga-tiga tema ini membentuk pola kepercayaan pengajaran ibadat GCPI.

Berhubung dengan kepercayaan terhadap inti pati pengajaran ibadat terdapat empat sub tema iaitu seluruh kehidupan adalah ibadat, amalan ibadat memberi kesan kepada akhlak dan akademik murid dan inti pati pengajaran ibadat seharusnya digabung jalinkan dengan sub bidang lain dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ataupun subjek selain Pendidikan Islam.

Dapatan kajian kepercayaan inti pati menunjukkan guru menekankan konsep seluruh kehidupan adalah ibadat. Pada dasarnya, guru merasakan kerjayanya merupakan ibadat dan konsep ini diterapkan kepada murid-murid dalam pengajaran yang disampaikan. Malah guru juga berpendapat keimanan mesti dilahirkan melalui amalan-amalan ibadat, ibadat mesti diamalkan secara berterusan untuk membentuk penghayatan berdasarkan pandangan al-Qardhawi (2002), Muhammad Qutb (1983), Tajudeen (2007) dan Zulkifli (2011). Manifestasi daripada amalan guru ini bertepatan dengan perumpamaan Imam al-Ghazali bahawa guru yang mursyid iaitu sentiasa menjadi contoh kepada murid seperti kayu yang lurus memberikan bayang yang lurus, begitulah sebaliknya tiada bayang-bayang yang lurus jika kayunya bengkok (al-Ghazali 2007). Hal ini juga selaras dengan al-Quran yang menyarankan supaya manusia yang menyuruh berbuat baik melakukan kebaikan tersebut terlebih dahulu (al-Baqarah 2:44). Namun dapatan ini tidak selari dengan (Fathiyah et al. 2013) menyatakan pemahaman guru memperlihatkan bahawa amalan dan ibadah lain yang tidak begitu berkaitan dengan kehidupan pelajar tidak diberi penekanan iaitu seperti ibadah zakat, sedekah dan solat dalam musafir. Malahan, guru didapati lebih cenderung kepada aktiviti yang tertumpu kepada peningkatan pencapaian akademik murid (Fathiyah et al. 2013).

Kepercayaan isi kandungan pengajaran ibadat diyakini oleh guru memberi kesan kepada akhlak dan akademik murid adalah manifestasi daripada Falsafah Pendidikan Islam iaitu mewujudkan perkaitan di antara teori dan praktis. Dalam usaha menyemai akhlak yang baik bertitik tolak daripada kepercayaan guru, peserta kajian meyakini apabila tumpuan diberikan kepada ibadat-ibadat wajib dan sunat murid secara tidak langsung pembentukan sahsiah murid berlaku serentak. Hal ini menunjukkan bahawa penghayatan ibadat membangunkan spiritual seseorang insan dan pembentukan insan kamil dengan mengambil kira dimensi spiritual lebih utama daripada intelek. Pada masa yang sama penekanan kepada pengajaran ibadat seharusnya diberi tumpuan kepada seluruh aspek bukannya hanya menekankan kepada ibadat-ibadat khusus agar murid-murid dapat merasakan seluruh perbuatan baik dikira sebagai ibadat jika diniatkan kepada Allah. Hal ini juga membantu murid merasakan bahawa Islam adalah cara hidup yang sempurna. Dengan demikian, diharapkan dapatan kajian dapat dijadikan panduan kepada pengajaran ibadat guru Pendidikan Islam khususnya agar tidak hanya menitikberatkan penyampaian isi kandungan berdasarkan buku teks semata-mata bahkan dikaitkan dengan kehidupan seharian murid.

Bibliografi

- Al-Quran al-Karim. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran: (30 juz). Ed. Ke 12. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). Model Guru Pendidikan Islam: konsep 5 Mim. Kertas Kerja Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1 April.
- Adnan Abd Rashid. (2002). Tarbiyah rabbaniyyah (devine education) and its significance in the development of husnu'l-khuluq. *Muslim Education Quartely* 19: 16-29.

- Ahmad Munawar Ismail. (2009). *Pengaruh aqidah terhadap penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2007). *Ihya Ulum al-Din. Siri 3*. Terj. Professor Tengku Ismail Yaakob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2002). *Ibadah dalam Islam*. Terj. Idris Hassan. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Berliner, D.C. (1986). In pursuit of the expert pedagogue. *Educational researcher*, 15(7): 5-13.
- Bloomberg, L.D & Volpe, M. (2008). *Completing Your Qualitative Dissertation: A Roadmap From Beginning to End*. USA: Sage Publications.
- Ernest, P. (1989). The knowledge, beliefs and attitudes of the mathematics teacher: A model. *Journal of Education for Teaching*, 15(1), 13-33.
- Fang, Z. (1996). A review of research on teacher beliefs and practices. *Educational Research*. 38(1): 47-65.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi , Azimi Hamzah & Lukman Abd. Mutalib. (2013). Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1), 1–16.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi & Asmawati Suhid. (2012). Penerapan elemen ilmu oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* 9: 205-219.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Gardner, H. (2006). *Changing Minds*. Boston: Harvard Business School.
- Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md Yunus, Rosini Abu & Hapsah Nawawi. (2006). Teachers belief towards the principles underlying the National Philosophy of education in Malaysia. *International Journal of learning*, 13. 91-104.
- Handal, B. (2004). Teachers instructional beliefs about integrating educational technology. *E-Journal of Instructional Science and Technology* 17(1).
- Hasan Langgulung. (2003). *Asas-asas pendidikan Islam*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Al-Husna.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2012). Retrieved 28 Mac 2012 <http://www.moe.gov.my/jnjnk/page62/page65/page65.html>
- Kvale, S. (2007). *Doing Interviews*. Sage Publications.
- Liljedahl, P. (2008). Teachers' Belief as Teachers' Knowledge. *Proceeding International Commission on Mathematics Instruction*, 5-8 Mac.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2. Thousand Oak California: Sage Publication.
- Muhammad Qutb. (1983). *Manhaj al-tarbiah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Nabiroh Kassim, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Ab. Halim Tamuri. (2014). Kepercayaan Guru Pemangkin Amalan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran, *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah* 1(1), 33–42.
- Nooraida Yakob. (2008). *Profil Profesionalisme Pengajaran Guru-Guru Sains Matrikulasi Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan UKM.
- Op 'T Eynde, P., De Corte, E., & Verschaffel, L. (2002). Framing students' mathematics-related beliefs: A quest for conceptual clarity and a comprehensive categorization.

- InG. Leder, E. Pehkonen, & G. Törner (Eds.), *Beliefs: A Hidden Variable in Mathematics Education* (pp. 13-38). Boston, MA: Kluwer Academic Publishing.
- Shulman, L.S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard educational review*, 57(1): 1-23.
- Siti Mistima Maat. (2012). *Hubungan antara kepercayaan Matematik, amalan pengajaran dan pengetahuan pedagogi kandungan guru matematik sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stipek, D.J, Givvin, K.B, Salmon J.M, MacGyvers V.L. (2001). Teachers' beliefs and practices related to Mathematics instruction. *Teaching and Teaching Education* Vol 17(2): 213-226.
- Tajudeen Adebayo. (2007). Qur'an & Hadith in the life of muslim. *The Islamic Quartely* Vol. 51 (4) : 319-340
- Tengku Zawawi et al. (2009). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1):131-153.
- Turner-Bisset, R. (1999). The knowledge bases of the expert teacher. *British Educational Research Journal*. 25(1): 39-55.
- Turner-Bisset, R. (2009). *Pengajaran Pakar*. Terj. Yaacob Mohd Fauzi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Vacc, N.N. & Bright, G.W. (1999). Elementary preservice teachers' changing beliefs and instructional use of children's mathematical thinking. *Journal for Research in Matematic Education*. 30(1):89-112.
- Van Der Sandt, S. (2007). Research Framework on Mathematics Teacher Behaviour: Koehler and Grouws' Framework Revisited. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 3(4), 343-350.
- Von Glasersfeld, E. (1994). A radical constructivist view of basic mathematical concept. In Erness, P. (ed.) *Constructivy mathematical knowledge: Epistemology and mathematical education*. London: The Falmer Press.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2011). *Al-fiqh al-manhaji: Ibadah dalam fiqh syafi'i*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.